



PINDAAN 2 (2018)

ILKBS

INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN

PERATURAN TATATERTIB PELAJAR

INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN
BELIA DAN SUKAN (ILKBS)

ILKBS

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN PERATURAN TATATERTIB PELAJAR

PERATURAN INI DIGUNAKAN OLEH SEMUA
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS)
DIBAWAH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN.

BAHAGIAN I INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN TAFSIRAN

1. Peraturan ini dinamakan '**Peraturan Tatatertib Pelajar**' bagi semua Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia.
2. Dalam peraturan ini, tafsiran adalah seperti berikut:
 - “**Aku Janji**” ertinya menurunkan persetujuan antara pelajar dan waris dengan Pihak Berkuasa Institut;
 - “**Amaran Lisan**” ertinya teguran yang diberikan atas kesalahan tatatertib oleh pegawai dan dicatatkan oleh Pegawai Disiplin;
 - “**Amaran Pertama**” ertinya surat amaran bertulis kepada pelajar yang melakukan kesalahan setelah dikenakan amaran lisan;
 - “**Amaran Terakhir**” ertinya surat peringatan bertulis kepada pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib supaya tidak lagi melakukan apa-apa jua kesalahan kemudiannya. Sekiranya melakukan kesalahan tatatertib, pelajar tersebut akan dihadapkan ke Lembaga Tatatertib;
 - “**Arak**” ertinya apa-apa jenis minuman beralkohol yang memabukkan;
 - “**Asrama**” ertinya apa-apa perumahan atau kemudahan tempat tinggal yang disediakan dan dibawah kawalan pentadbiran Pihak Berkuasa Institut untuk kediaman pelajar;
 - “**Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia**” bagi maksud Peraturan ini adalah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang beralamat di Aras 3, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4, 62570 Putrajaya;
 - “**Dadah**” ertinya apa-apa jenis bahan atau peralatan benda yang dinyatakan dalam Akta Dadah Berbahaya, 1952;

“**Denda**” ertinya hukuman yang dikenakan kepada pelajar dalam bentuk aktiviti seperti berikut:-

- a) Kawad Tambahan (1 – 2 Jam)
atau;
- b) Khidmat Masyarakat (5-10 Jam)
atau;
- c) Tahan *Outing* (2-10 hari);

“**Denda Khidmat Masyarakat**” ertinya tugas yang diberi mengikut kesesuaian dan yang mendatangkan faedah kepada institut atau pelajar;

“**Denda Spontan**” ertinya hukuman yang diberikan oleh mana-mana pegawai institut secara serta merta seperti berikut :-

- a) Tekan tubi (aktiviti secara berterusan tidak melebihi 30 saat)
atau;
- b) Lompat selang-seli (aktiviti secara berterusan tidak melebihi 30 saat)
atau;
- c) Bangkit tubi (aktiviti secara berterusan tidak melebihi 30 saat)
atau;
- d) Lari tidak melebihi 2 pusingan padang bola atau padang kawad;

“**Diberhentikan**” ertinya ditamatkan latihan dari Institut, hilang segala hak dan kemudahan sebagai pelajar ILKBS;

“**Digantung Latihan**” ertinya ditangguhkan latihan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga Tatatertib Pelajar dan dalam tempoh tersebut hilang hak dan kemudahan sebagai pelajar ILKBS;

“**Ganti Rugi Kerosakan atau Kehilangan**” ertinya kerosakan atau kehilangan yang dilakukan oleh pelajar mestilah diganti mengikut nilai barang yang rosak atau hilang atau kos yang terpaksa ditanggung oleh institut untuk pembaikan;

“**ILKBS**” ertinya Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia meliputi Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG);

“**Institut**” ertinya sesuatu institusi latihan kemahiran di bawah Kementerian Belia dan Sukan, yang memberi pelajaran, pengajaran dan latihan kemahiran kepada seseorang atau sekumpulan orang;

“Jawatankuasa Disiplin Pelajar” ertinya Jawatankuasa Tatatertib Pelajar yang mengklasifikasikan kes-kes kesalahan Pelajar dan melaksanakan hukuman bagi kes ringan dan sederhana. Bagi kesalahan berat kes akan dibawa ke Lembaga Tatatertib Pelajar;

“Judi” ertinya bermain sesuatu permainan nasib atau permainan kepandaian, atau permainan nasib campur kepandaian, untuk mendapatkan wang atau sesuatu yang boleh dinilai dengan wang dan termasuk pertaruhan atau apa-apa loteri;

“Kawad Tambahan” ertinya kawad denda bagi satu tempoh dalam waktu bekerja;

“Kawasan Institut” ertinya semua kawasan yang meliputi segala bangunan atau lain-lain struktur di atasnya yang dipunyai atau di bawah kawalan pentadbiran Pihak Berkuasa Institut;

“Keluarga” ertinya ibubapa atau penjaga atau adik-beradik;

“Kesalahan Berat” ertinya kesalahan yang boleh dikenakan hukuman gantung latihan atau diberhentikan oleh Lembaga Tatatertib Pelajar;

“Ketua Kumpulan” ertinya pelajar yang dipilih atau dilantik oleh institut untuk mengetuai sesuatu kumpulan pelajar;

“Kumpulan” ertinya bilangan pelajar tiga (3) orang atau lebih;

“Larangan Keluar” ertinya tidak dibenarkan keluar dari kawasan institut dalam satu tempoh yang ditetapkan;

“Latihan Industri atau LI” ertinya latihan sebenar bekerja di industri berkaitan bidang latihan yang diikuti di Institut;

“Lembaga Rayuan Tatatertib Pelajar” ertinya Lembaga di peringkat Kementerian yang menimbangkan rayuan hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan oleh Lembaga Tatatertib Pelajar ILKBS;

“Lembaga Tatatertib Pelajar” ertinya sebuah lembaga yang mengendali, mendengar, membicarakan dan menjatuhkan hukuman terhadap kes-kes kesalahan berat;

“Majlis Perwakilan Pelajar” ertinya kumpulan pelajar yang dipilih dan dilantik mewakili semua pelajar di Institut berkenaan;

“Pakaian Seragam” ertinya pakaian yang berbentuk uniform atau pakaian-pakaian lain yang ditetapkan oleh institut;

“Pegawai Disiplin” ertinya pegawai yang diberi kuasa melaksanakan dan menguatkuasakan Peraturan Tatatertib Pelajar;

“Pegawai Penyiasat” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pengarah ILKBS atau Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar (TP HEP) untuk menjalankan siasatan terhadap sesuatu kes tatatertib;

“Pegawai” ertinya seseorang yang menyandang sesuatu jawatan dalam Institut atau yang bertugas di ILKBS termasuk pegawai tetap atau kontrak atau sambilan;

“Pelajar” ertinya orang yang menerima pelajaran, pengajaran dan latihan di sesuatu Institut;

“Pemeriksaan Mengejut” ertinya pemeriksaan yang dilakukan pada bila-bila masa yang sesuai oleh Pihak Berkuasa Institut ke atas pelajar yang disyaki terlibat dengan perlakuan pelanggaran peraturan tatatertib pelajar;

“Pengajar” ertinya seseorang yang bertanggungjawab bagi latihan kemahiran dan bagi membimbing, menyelia dan menilai kebolehan seseorang pelajar untuk mengasimilasikan dari aspek kemahiran teknikal dan pembangunan insan;

“Pengarah” ertinya ketua kepada pegawai dan kakitangan di sesebuah Institut;

“Penyelia Asrama” ertinya pegawai yang menyelia asrama pelajar ILKBS;

“Perbicaraan Tatatertib” ertinya perbicaraan kesalahan tatatertib;

“Pihak Berkuasa Institut” ertinya mana-mana individu atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah ILKBS untuk mentadbir, mengurus dan mengawal selia pengoperasian di sesebuah Institut;

“Potong Elaun” ertinya dilucutkan hak bantuan wang saku;

“Racun” ertinya apa-apa jenis bahan di bawah Akta Racun 1952;

“Saudara Mara” ertinya Datuk / Nenek, Bapa Saudara / Ibu Saudara dan Sepupu;

“Surat Akuan” ertinya surat perakuan bertulis pelajar yang telah melanggar Peraturan Tatatertib;

“**Roll Call**” ertinya perhimpunan serta merta untuk menentukan jumlah kehadiran pelajar pada satu-satu masa;

“**Warden**” bermaksud pegawai yang dilantik untuk bertanggungjawab terhadap pelajar selepas dari waktu pejabat.

Jadual Kategori Kesalahan

Bab Pertuduhan	Perkara (P)	Kelas Kesalahan		
		Kesalahan Ringan	Kesalahan Sederhana	Kesalahan Berat
Bab 1	1 dan 2	Perkara 1 - 2		
Bab 2	3	Perkara 3		
Bab 3	4 – 25	Perkara 4 - 13 Perkara 15 - 24	Perkara 14	
Bab 4	26 – 30	Perkara 26 - 30		Perkara 25
Bab 5	31 – 42	Perkara 31 - 41	Perkara 42 (a)	Perkara 42 (b)
Bab 6	43 – 44	Perkara 43 - 44		
Bab 7	45 – 52	Perkara 45 – 52		
Bab 8	53 – 56	Perkara 53 – 55		Perkara 56
Bab 9	57 – 59	Perkara 57 – 59		
Bab 10	60 – 64	Perkara 60 – 64		
Bab 11	65 – 70	Perkara 65 – 70		
Bab 12	71 – 74	Perkara 74	Perkara 71 - 73	
Bab 13	75 – 78		Perkara 75 - 76	Perkara 77 - 78
Bab 14	79 – 80	Perkara 79 – 80		
Bab 15	81 – 84		Perkara 81 – 84	Perkara 81 - 84
Bab 16	85 – 96		Perkara 85 – 93 Perkara 95 - 96	Perkara 94
Bab 17	97 – 108	Perkara 107 (b)	Perkara 108 Perkara 107 (a)(b)	Perkara 97 - 106 Perkara 107 (a)(b)
Bab 18	109 – 113			Perkara 109 - 113
Bab 19	114		Perkara 114	

BAHAGIAN II

PERKARA AM

- Peraturan ini dinamakan **Peraturan Tatatertib Pelajar**, sebagai satu garis panduan kepada semua pelajar yang mengikuti kursus latihan kemahiran di ILKBS. Setiap perkara yang disenaraikan di dalam Peraturan Tatatertib ini adalah wajib dipatuhi oleh semua pelajar tanpa pengecualian disepanjang tempoh pengajian mereka di institut. Tujuan Peraturan Tatatertib ini ialah untuk mengawal kelicinan serta keberkesanan perjalanan kursus latihan dan memupuk sikap lebih bertanggungjawab di kalangan pelajar.
- Peraturan-peraturan tatatertib ini adalah terpakai terhadap semua pelajar ILKBS.
- Pelajar hendaklah pada setiap masa menumpu sepenuh perhatian kepada pelajaran dan latihan. Kepentingan pelajaran hendaklah diutamakan berbanding dengan kepentingan persendirian.

*Peraturan
Tatatertib
Pelajar*

*Peraturan untuk
semua Pelajar*

Tumpu kepada pelajaran

4. Pelajar yang bersetuju mengikuti pelajaran atau latihan di Institut ini diwajibkan mematuhi dan akur pada setiap peraturan tatatertib dan mana-mana peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Institut dari semasa ke semasa serta arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. *Bersetuju Mematuhi peraturan*
5. Pelajar atau sekumpulan pelajar yang didapati melanggar atau ingkar mematuhi mana-mana peraturan ini akan dikenakan tindakan tatatertib dan hukuman. *Tindakan kepada pelajar yang ingkar*
6. ILKBS mempunyai Jawatankuasa Disiplin Pelajar (JDP) yang membicarakan kes-kes kesalahan yang bukan kesalahan berat. *Jawatankuasa Disiplin Pelajar ILKBS*
- Jawatankuasa Disiplin Pelajar (JDP) adalah seperti berikut :
Rujuk Lampiran 1 *Anggota Jawatankuasa Disiplin Pelajar*
7. ILKBS juga mempunyai Lembaga Tatatertib Pelajar (LTP) yang membicarakan kes-kes kesalahan berat yang membawa hukuman sehingga diberhentikan dari Institut. *Lembaga Tatatertib Pelajar ILKBS*
- Lembaga Tatatertib Pelajar (LTP) adalah seperti berikut :
Rujuk Lampiran 2 *Anggota Lembaga Tatatertib Pelajar*
8. Lembaga Rayuan Tatatertib Pelajar adalah jawatankuasa diperingkat Kementerian yang akan menimbangkan rayuan hukuman tatatertib pelajar yang dijatuhkan oleh Lembaga Tatatertib Pelajar *Lembaga Rayuan di KBS*
- Lembaga Rayuan Tatatertib Pelajar (LRTP) adalah seperti berikut:
Rujuk Lampiran 3 *Anggota Lembaga Rayuan Tatatertib Pelajar*
- MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR**
9. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ditubuhkan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar menjadi pemimpin di masa hadapan. Selain membantu pihak pengurusan Institut menangani masalah disiplin pelajar, MPP juga berfungsi sebagai saluran bagi para pelajar mengemukakan masalah-masalah mereka kepada pihak Institut. MPP hendaklah diwujudkan bagi memenuhi tanggungjawab itu. *Tanggungjawab Majlis Perwakilan Pelajar*
10. MPP akan diketuai oleh seorang Presiden, seorang Naib Presiden (lelaki), seorang Naib Presiden (perempuan – jika ada), seorang Setiausaha dan seorang Bendahari. Ahli Jawatankuasa MPP adalah mengikut keperluan di Institut masing-masing mengikut jumlah kesesuaian. *Keanggotaan Majlis Perwakilan Pelajar*
11. Pelajar yang dipilih sebagai MPP boleh dilucutkan jawatan dan diambil tindakan tatatertib jika melakukan kesalahan atau pelanggaran Peraturan Tatatertib Pelajar ILKBS. *Lucut jawatan*

BAHAGIAN III

PERATURAN AM

BAB 1 - Disiplin Kumpulan

1. Setiap pelajar hendaklah bergerak secara berkumpulan semasa perbarisan pagi. *Bergerak dalam kumpulan*
2. Ketua kumpulan dikehendaki menguruskan semua ahli jurusannya supaya bergerak bersama. *Tugas ketua kumpulan*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 1 Perkara 1 dan 2):

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 2 - Masa

3. Pelajar-pelajar dikehendaki menepati masa yang telah ditetapkan pada setiap aktiviti. *Menepati masa*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 2 Perkara 3) :

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 3 - Peraturan Asrama

4. Pelajar adalah diwajibkan menjaga kebersihan asrama supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih, selesa dan teratur terutama kebersihan di bilik air atau tandas, koridor, tangga, bilik tetamu, bilik rehat dan kawasan persekitaran asrama. Pelajar dikehendaki bertugas mengikut giliran bagi membersihkan kawasan asrama. *Menjaga kebersihan asrama*
5. Pelajar dilarang bertukar tempat atau bilik yang telah ditetapkan kepadanya tanpa kelulusan Penyelia Asrama. *Dilarang bertukar bilik*
6. Tempat tidur mestilah sentiasa bersih dan kemas. Cadar dan sarung bantal hendaklah berwarna putih atau warna yang ditetapkan oleh Institut. *Bilik kemas*
7. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar menjaga almari dan kunci masing-masing. Almari hendaklah dikunci sepanjang masa. *Kunci almari*

8. Pelajar dilarang memaku, melekat, menulis, melukis atau menconteng di dinding, katil, almari, bantal, tilam dan lain-lain kemudahan yang disediakan. Pelajar juga dilarang mengubahsuai, menukar kunci-kunci yang terdapat pada pintu, almari dan laci asrama. *Tanggungjawab pelajar jaga kemudahan*

9. Pelajar dilarang memasang, mengubahsuai atau membaiki lampu dan kipas atau mengubahsuai pemasangan elektrik di bilik asrama. *Pengubahsuaian elektrik dilarang*

10. Pelajar dilarang memasak makanan atau minuman di dalam bilik asrama. *Dilarang memasak*

11. Pelajar dilarang merendam pakaian dan kasut di dalam bilik asrama atau di dalam sinki bilik air atau tandas. *Rendam pakaian*

12. Pelajar yang tinggal di asrama tidak dibenarkan membawa atau menunggang atau memandu sebarang kenderaan bermotor di dalam kawasan Institut. *Dilarang bawa kenderaan*

13. Pelajar hanya dibenarkan bertemu rakan, tetamu luar atau keluarga di bilik tetamu atau di tempat yang dibenarkan dalam kawasan Institut sahaja. *Tetamu*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 3 Perkara 4 hingga 13) :

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

14. Pelajar lelaki tidak dibenarkan berada di asrama pelajar wanita dan juga sebaliknya. Pelajar berlainan jantina dilarang berada dalam keadaan berdua-duaan di tempat-tempat yang mencurigakan dalam sebarang masa. *Dilarang berada di asrama berlainan jantina*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 3 Perkara 14) :

Kesalahan Sederhana

Kesalahan Pertama : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Kedua : Rujuk JDP - Amaran Akhir & Denda

Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP

15. Pelajar yang menjalani latihan Industri (LI) tidak dibenarkan sama sekali masuk ke mana-mana bilik asrama ataupun meletakkan kenderaan di kawasan asrama. *Pelajar Latihan Industri dilarang ke asrama*

16. Semua lampu di asrama hendaklah dipadamkan tepat jam 11.00 malam. Pelajar yang ingin belajar lebih dari masa itu bolehlah menggunakan bilik kuliah yang telah dikhaskan dengan memohon kebenaran khas daripada pihak pengurusan. Penggunaan lilin atau pelita di dalam bilik asrama adalah dilarang sama sekali. Pelajar dilarang meninggalkan tempat tidur, berkumpul di luar asrama dan mengganggu pelajar lain yang sedang tidur selepas lampu dipadamkan. *Lampu dipadamkan. Dilarang berada di tempat lain dan mengganggu pelajar lain.*
17. Pelajar terakhir yang meninggalkan bilik asrama hendaklah mematikan semua suis. *Matikan suis*
18. Pelajar adalah dilarang membawa TV, pemain video dan pemanas air ke dalam bilik asrama. Radio berkuasa bateri sahaja yang dibenarkan penggunaannya. Pelajar ditegah melakukan perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman penghuni asrama lain atau pun awam seperti memasang radio terlalu kuat, menjerit, membakar mercun dan sebagainya kecuali alat-alat bantuan pelajaran dengan mendapat kelulusan khas. *Larang bawa barangan elektrik dan mengganggu ketenteraman*
19. Sebarang kecemasan, kemalangan atau perkara-perkara lain yang dianggap serius hendaklah segera dilaporkan kepada Penyelia Asrama atau Warden atau Pihak Berkuasa Institut. *Kecemasan hendaklah dilaporkan*
20. Pelajar dilarang berada atau balik ke asrama semasa latihan sedang berjalan kecuali pada masa yang dibenarkan. *Dilarang balik asrama waktu latihan*
21. Pelajar dilarang membawa keluar, mengubahsuai susun atur semua inventori dalam bilik asrama seperti yang sedia ada. *Susun atur inventori*
22. Pelajar tidak dibenarkan membawa sebarang peralatan kelas atau bengkel (hak Institut) ke dalam bilik asrama kecuali dengan kebenaran pengajar berkenaan. *Larang bawa alatan kelas atau bengkel*
23. Pelajar dilarang membawa sebarang makanan dan minuman ke dalam bilik asrama kecuali makanan ringan sahaja. Pemeriksaan akan dibuat dari masa ke semasa untuk memastikan peraturan ini dipatuhi. *Makanan*
24. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak menyimpan atau memakai barang-barang berharga atau wang berlebihan di dalam asrama. Pihak Institut tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan harta benda persendirian. *Larangan membawa barang berharga.*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 3 Perkara 15 hingga 24) :

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

25. Sebelum meninggalkan asrama semasa tamat kursus, semua pelajar dikehendaki memulangkan semula peralatan asrama seperti kunci almari, bantal, tilam dan lain-lain peralatan Kerajaan yang dipinjamkan selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum tamat hari terakhir kursus. Asrama hendaklah ditinggalkan dalam keadaan bersih, baik dan sempurna.

Peralatan dipulangkan dan bilik dibersihkan

Kesalahan dan Hukuman (Bab 3 Perkara 25) :

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan (Tuntutan ganti rugi kehilangan / kerosakan barang)

BAB 4 - Peraturan Penggunaan Masjid atau Surau.

26. Pelajar dikehendaki berpakaian sopan, bersih, kemas dan bersesuaian semasa berada di masjid atau surau.
27. Semua pelajar lelaki dan wanita yang beragama Islam diwajibkan solat berjemaah (setiap waktu solat) di masjid atau surau. Semua pelajar lelaki yang beragama Islam diwajibkan solat Jumaat.
28. Semua pelajar diwajibkan hadir ke ceramah umum anjuran Institut dan dilarang meninggalkan masjid atau surau semasa aktiviti agama dijalankan. Pelajar juga dilarang menjemput penceramah luar tanpa pengetahuan pihak pengurusan.
29. Kebersihan dan keselamatan peralatan masjid/surau adalah tanggungjawab pelajar.
30. Dilarang menggunakan masjid atau surau sebagai tempat tidur atau sebarang aktiviti-aktiviti yang tidak berbentuk keagamaan.

Pakaian bersih

Solat berjemaah

Ceramah Agama

Kebersihan masjid atau surau

Dilarang tidur di masjid atau surau

Kesalahan dan Hukuman (Bab 4 Perkara 26 hingga 30) :

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 5 - Peraturan Bengkel dan Bilik Kuliah

31. Pelajar mestilah memakai pakaian seragam dan kemas seperti yang ditetapkan oleh institut semasa menghadiri kuliah ataupun latihan amali di bengkel. Memakai selipar atau seumpamanya semasa menghadiri kuliah mahupun latihan amali bengkel tidak dibenarkan sama sekali. Pemakaian barang kemas atau aksesori dilarang sama sekali semasa menjalani latihan.
32. Pakaian dan peralatan keselamatan hendaklah dipakai semasa latihan di bengkel.

Pakaian seragam

Pakaian keselamatan

33. Suatu Peraturan Keselamatan akan dipamerkan di Papan Kenyataan. Peraturan-peraturan ini hendaklah dipatuhi bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. *Patuhi peraturan keselamatan*
34. Peralatan keselamatan hendaklah digunakan hanya pada masa kecemasan di bengkel atau di bilik kuliah dan diselenggarakan dengan sempurna. *Peralatan keselamatan*
35. Jika berlaku kecemasan pelajar hendaklah mengambil tindakan awal seperti membunyikan siren dan melaporkan kepada Pihak Berkuasa Institut. *Jika berlaku kecemasan*
36. Pelajar dikehendaki bekerjasama menjaga keselamatan mesin dan peralatan latihan. Semua peralatan dan mesin akan dijadualkan penyelenggaraannya supaya sentiasa berada di dalam keadaan baik dan selamat digunakan. *Keselamatan mesin dan peralatan*
37. Pelajar adalah dilarang menggunakan apa juga alat latihan tanpa arahan dan bimbingan pengajar. Alat-alat perkakas yang telah digunakan hendaklah dibersihkan dan disimpan dengan sempurna. Perkakas yang dipinjam dari stor hendaklah dipulangkan sebelum meninggalkan bengkel. *Guna alat dengan bimbingan*
38. Perkakas elektrik dan mesin hendaklah sentiasa berada dalam keadaan yang selamat. Pelajar dilarang menggunakan mesin yang rosak dan tidak selamat untuk digunakan. *Penggunaan mesin yang tidak selamat*
39. Pelajar hendaklah melaporkan sebarang kerosakan peralatan dan mesin di bengkel kepada pihak berkuasa institut. *Lapor kerosakan*
40. Pelajar adalah dilarang sama sekali membawa keluar bahan dan peralatan bengkel tanpa kebenaran Pengajar. *Larangan bawa keluar bahan*
41. Pelajar tidak dibenarkan keluar semasa latihan di bengkel / bilik kuliah melainkan mendapat kebenaran bertulis daripada pengajar berkenaan. *Keluar tanpa kebenaran*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 5 Perkara 31 hingga 41):

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

42. (a) Tidak menghadiri latihan bengkel / bilik kuliah tanpa kebenaran adalah dianggap sebagai kesalahan tatatertib. *Tidak hadir latihan*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 5 Perkara 42 a):

Kesalahan Sederhana

Kesalahan Pertama : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

*Kesalahan Kedua : Rujuk JDP - Amaran Akhir & Potong Elaun
(Rujuk hukuman Bab 15)*

Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP

*Kehadiran tidak mencapai
80%*

- (b) Pelajar tidak mencapai sekurang-kurangnya 80% jumlah kehadiran sebenar bengkel/ kuliah/ modul latihan bagi setiap semester boleh dikenakan tindakan tatatertib. Tidak hadir 80% kuliah/ bengkel/ modul latihan merupakan satu **kesalahan berat**.

Kesalahan dan Hukuman (BAB 5 Perkara 42 b):

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan

BAB 6 - Peraturan Ke Pejabat Pentadbiran

43. Pelajar dibenarkan memasuki kawasan pejabat dan menggunakan peralatan pejabat dengan kebenaran.
44. Pelajar yang dibenarkan memasuki pejabat hendaklah memakai pakaian seragam yang lengkap dan kemas.

*Berurusan dengan
kebenaran*

Pakaian seragam

Kesalahan dan Hukuman (BAB 6 Perkara 43 hingga 44) :

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 7 - Peraturan Pakaian dan Sahsiah Diri

45. Pelajar hendaklah memakai pakaian yang kemas dan bersesuaian pada masa dan tempat seperti yang ditetapkan.
- (a) Pakaian seragam yang ditetapkan oleh institut (hari dan waktu bekerja/ latihan dan lawatan rasmi di luar Institut).
- (b) Pakaian Sukan (semasa aktiviti sukan sahaja).
- (c) Pakaian solat yang sopan dan bersesuaian.

Pakaian

46. Pelajar tidak dibenarkan mengubah bentuk pakaian yang dibekalkan kecuali dalam keadaan tertentu.
47. Semua pelajar dimestikan menutup aurat, tidak dibenarkan memakai 'jeans' dan pakaian menjolok mata yang tidak sesuai dengan keperibadian pelajar ILKBS dan masyarakat Timur.

Ubah suai pakaian

*Arahan menutup aurat
dan larangan memakai
jeans*

48. (a) Semua pelajar lelaki adalah dilarang memakai peralatan atau perhiasan diri. *Perhiasan diri dan barang kemas*
- (b) Pelajar wanita tidak digalakkan memakai barang kemas.
49. Pelajar lelaki dikehendaki berambut pendek, kemas setiap masa serta tidak berjambang, berjanggut dan bermisai. *Rambut pendek dan dilarang berjanggut*
50. Pemakaian tanda nama hendaklah dipatuhi dipakai pada waktu latihan kecuali waktu solat dan bersukan. *Tanda nama*
51. Pelajar dilarang memakai selipar, baju tidak berlengan, seluar pendek, atau kain sarung sewaktu berada di kantin dan Dewan Makan. *Berpakaian tidak sopan*
52. Pelajar dilarang sama sekali berkuku panjang. *Larangan berkuku panjang*
- Kesalahan dan Hukuman (BAB 6 Perkara 45 hingga 52) :***
Kesalahan Ringan
Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)
Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)
Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))
- BAB 8 - Aktiviti-Aktiviti**
53. Pelajar diwajibkan mengikut semua aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Institut. *Wajib ikut aktiviti*
54. Sepanjang tempoh mengikuti kursus di Institut ini, pelajar tidak dibenarkan mengikuti sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh mana-mana agensi luar kecuali dengan kebenaran. *Ikuti aktiviti dengan kebenaran*
55. Pelajar dilarang menubuhkan persatuan (Persatuan Anak Negeri dan Daerah) melainkan dengan persetujuan bertulis Pihak Berkuasa Institut. *Dilarang tubuh persatuan*
- Kesalahan dan Hukuman (BAB 8 Perkara 53 hingga 55) :***
Kesalahan Ringan
Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)
Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)
Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))
56. Pelajar dilarang melibatkan diri dalam sebarang tunjuk perasaan, mogok, perhimpunan haram dan tidak dibenarkan membuat bantahan terbuka atau lain-lain tindakan yang bertentangan dengan peraturan Institut. Bayaran ganti rugi dikenakan yang melibatkan kerosakan kemudahan prasarana institut. *Perhimpunan haram*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 8 Perkara 56) :

Kesalahan Berat

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan & bayaran ganti rugi

BAB 9 - Hormat

57. Pelajar diwajibkan memberi salam atau hormat kepada semua pegawai, kakitangan ILKBS, pelawat-pelawat rasmi dan sesama pelajar dengan cara yang sewajarnya (ucapan salam bagi yang beragama Islam). *Ucapan salam hormat*
58. Pelajar mesti berdiri sedia apabila lagu “Negeraku” atau lagu Kebangsaan Negeri kedengaran. *Hormat lagu Negeraku*
59. Pelajar dikehendaki menjawab “**SAYA ENCIK**” atau “**SAYA TUAN**” (mengikut kesesuaian) apabila dipanggil oleh pegawai, pengajar atau kakitangan ILKBS. *Jawab apabila dipanggil*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 9 Perkara 57 hingga 59) :

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 10 - Bilik Rehat / TV / Rekreasi

60. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga kebersihan Bilik Rehat atau Bilik TV atau Bilik Bacaan atau Bilik Rekreasi TV (BRTV). Segala kelengkapan di bilik ini hendaklah dijaga dengan kemas, bersih dan sempurna. *Jaga kebersihan bilik BRTV*
61. Penggunaan BRTV ini hanya dibenarkan sehingga jam 11.00 malam sahaja dan tidak mengganggu penghuni lain. *Waktu menonton TV*
62. Sebarang kerosakan peralatan di BRTV hendaklah dilaporkan kepada Penyelia Asrama secepat mungkin. Pelajar tidak dibenarkan membaikpulih peralatan dan kelengkapan yang rosak tanpa kebenaran Penyelia Asrama atau Pihak Berkuasa Institut. *Dilarang membaikpulih kerosakan*
63. Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai semasa menggunakan BRTV. Tidak berbaju, berseluar pendek, bersinglet atau memakai kain sarong adalah dilarang. *Berpakaian yang sesuai*
64. Pelajar dilarang membawa makanan dan minuman ke BRTV. *Larangan bawa makanan*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 10 Perkara 60 hingga 64) :

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 11 - Peraturan Dewan Makan dan Bilik Masak

65. Pelajar tidak dibenarkan masuk ke Dewan Makan dengan pakaian yang kotor, berseluar pendek, bersinglet dan bersarong (lelaki). Pelajar hendaklah berpakaian bersih, kemas dan bersopan. Semua alas kaki seperti kasut, selipar, sandal dan sebagainya tidak dibenarkan dipakai di dalam Dewan Makan seperti yang ditetapkan oleh Institut. *Berpakaian bersih dan dilarang memakai kasut di Dewan Makan*
66. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga kebersihan Dewan Makan dan kantin. Sisa makanan hendaklah dibuang ditempat yang disediakan dan tray disusun di tempat yang dikhaskan. *Sisa makanan dan susun tray*
67. Pelajar dikehendaki beratur semasa mengambil makanan dan makan dengan tertib dan beradab serta tidak membuat bising semasa di Dewan Makan. *Makan bertertib*
68. Makanan hanya dibekalkan pada waktu yang ditetapkan sahaja. Pelajar hendaklah mengikut jadual makan yang ditetapkan oleh Penyelia Asrama atau pihak berkuasa Institut. Jadual makan sentiasa dipaparkan di Dewan Makan. *Waktu makan*
69. Pelajar tidak dibenarkan membawa keluar sebarang peralatan Dewan Makan. *Peralatan Dewan Makan*
70. Pelajar dilarang masuk ke stor barang-barang atau perkakas dan kawasan dapur Dewan Makan pada bila-bila masa. *Dilarang memasuki dapur*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 11 Perkara 65 dan 70)

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 12 - Keselamatan

71. Keselamatan harta benda Institut yang diamanahkan adalah tanggungjawab semua pelajar. *Harta benda Institut*
72. Pelajar adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan harta benda yang diamanahkan. *Kehilangan barang*
73. Pelajar ditegah dari merosakkan, mengubahsuai atau mengurangkan nilai semua harta benda Kerajaan. *Ditegah ubahsuai atau merosak harta Kerajaan*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 12 Perkara 71 hingga 73):

Kesalahan Sederhana

Kesalahan Pertama : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Kedua : Rujuk JDP-Amaran Akhir & Potong Elaun

Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP

74. Pelajar ditegah membuat sambungan elektrik secara haram pada semua tempat. *Ditegah buat sambungan elektrik*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 12 Perkara 74):

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 13 - Pergaulan

75. Pelajar adalah digalakkan bergaul secara sihat dengan tidak melanggar tatasusila. *Pergaulan sihat*
76. Dalam keadaan mencurigakan dan menimbulkan syak pelajar lelaki dan perempuan adalah dilarang sama sekali berdua-duaan sepanjang tempoh latihan. *Larangan berdua-duaan*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 13 Perkara 75 dan 76) :

Kesalahan Sederhana

Kesalahan Pertama : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Kedua : Rujuk JDP-Amaran Akhir & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP

77. (a) Pelajar adalah dilarang berpasangan di antara lelaki dan perempuan di tempat sunyi (bilik, dewan, stor dan sebagainya) yang boleh menimbulkan perasaan syak kepada orang lain atau pegawai atau kakitangan ILKBS. Pelajar yang berpasangan di tempat sunyi adalah melakukan **kesalahan berat**. Pelajar yang ditangkap oleh Jabatan Agama juga akan dianggap melakukan **kesalahan berat**. *Berkhalwat*
- (b) Pelajar yang didapati hamil semasa dan selepas mendaftar sebagai pelajar ILKBS adalah melakukan **kesalahan berat**. *Hamil semasa latihan*
78. Pelajar adalah dilarang bersekedudukan antara lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan atau dengan lain perkataan melakukan aktiviti luar tabi'e yang juga ditakrifkan telah melakukan satu kesalahan berat. *Bersekedudukan dan pelakuan luar tabi'e*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 13 Perkara 77 dan 78) :

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan

BAB 14 - Pelawat

79. Pelajar hanya dibenarkan menerima pelawat dari keluarga dan saudara mara terdekat sahaja. Pelawat dikehendaki melaporkan diri di Balai Pengawal. *Keluarga*
80. Perjumpaan dengan pelawat hanya dibenarkan pada cuti umum, am dan hujung minggu sahaja. Waktu lawatan dari jam 8.00 pagi sehingga jam 6.00 petang. Perjumpaan dengan keluarga terdekat selain waktu ini boleh dipertimbangkan jika ada kecemasan. *Waktu melawat*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 13 Perkara 79 dan 80) :

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan di bawah Perkara 108(a))

BAB 15 - Cuti

81. Tidak ada peruntukan dan kemudahan cuti rehat untuk semua pelajar semasa menjalani latihan. Cuti yang dibenarkan hanya cuti-cuti Kelepasan Am Negeri dan Persekutuan sahaja serta hari-hari pelepasan tertentu yang dibenarkan oleh ILKBS. *Tiada cuti rehat*
82. Pelajar diberikan kelulusan cuti kecemasan hanya dalam keadaan yang mendesak sahaja atas kelulusan Pihak Berkuasa Institut. Pelajar/ keluarga pelajar perlu membuat permohonan bertulis kepada Pihak Berkuasa Institut. *Cuti kecemasan*
83. Pelajar yang memohon cuti kecemasan hendaklah menghubungi Pegawai Kesatria / Warden Bertugas dan membawa dokumen pengesahan berkaitan (seperti sijil kematian) apabila kembali semula ke ILKBS sebagai bukti. *Mohon cuti kecemasan*
84. Pelajar yang sakit dikehendaki mendapatkan cuti sakit dari klinik/hospital Kerajaan. Cuti sakit dari klinik swasta adalah dihadkan selama dua (2) hari sahaja pada satu-satu masa dan tidak boleh melebihi lima (5) hari dalam satu semester. Jika melebihi had ini, ia akan dirujuk kepada pakar perubatan Hospital Kerajaan untuk pemeriksaan bagi menentukan keupayaannya meneruskan latihan selanjutnya. Sijil cuti sakit hendaklah diserahkan kepada pengajar masing-masing apabila kembali semula ILKBS. Walau bagaimanapun pelajar tertakluk kepada syarat 80% kehadiran ke kelas/bengkel untuk menduduki peperiksaan akhir. *Cuti sakit*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 15 Perkara 81 hingga 84) :
 Sila rujuk jadual kesalahan dan hukuman dibawah:

KESALAHAN	HUKUMAN
<p>Pertama :</p> <p>a. Tidak hadir ke ILKBS dalam bulan semasa.</p>	<p>Potong elaun:</p> <p>1) THTC 1 HARI – 25%</p> <p>2) THTC 2 HARI – 50 %</p> <p>3) THTC 3 HARI – 75%</p> <p>4) THTC 4 KE ATAS – 100%</p>
<p>b. Tidak hadir ke ILKBS 7 hingga 14 hari.</p>	<p>Potong elaun rujuk ke JDP</p>
<p>c. Tidak hadir ke ILKBS melebihi 14 hari.</p>	<p>Diberhentikan</p>
<p>Kedua :</p> <p>a. Tidak hadir ke ILKBS tidak lebih 7 hari.</p>	<p>Rujuk ke LTP</p>
<p>b. Tidak hadir ke ILKBS 7 hari hingga 14 hari.</p>	<p>Diberhentikan</p>
<p>Ketiga :</p> <p>Tidak hadir ke ILKBS tidak lebih 7 hari.</p>	<p>Diberhentikan</p>

*Nota : THTC – Tidak Hadir Tanpa Cuti
 JDP – Jawatankuasa Disiplin Pelajar
 LTP – Lembaga Tatatertib Pelajar

BAB 16 - Peraturan Latihan Industri

85. Pelajar hendaklah menumpukan sepenuh perhatian kepada latihan dan sentiasa tertakluk kepada Peraturan Tatatertib Pelajar sepanjang tempoh Latihan Industri. *Tumpu kepada latihan*
86. Latihan Industri bertujuan memberi pendedahan kepada suasana sebenar bekerja di industri berkaitan bidang latihan yang diikuti. Di samping itu pelatih juga berpeluang mempelajari teknik-teknik bekerja sebagai pengalaman dan tambahan kepada apa yang dipelajari. *Latihan di industri*
87. Pelajar Pendawaian Elektrik dan Penjaga Jentera Elektrik adalah diwajibkan menjalani Latihan Industri yang merupakan sebahagian dari syarat latihan. *Wajib LI bagi Pelajar Pendawaian Elekerik dan Penjaga Jentera Elektrik*
88. Latihan Industri bagi pelajar jurusan lain selain Pendawaian Elektrik dan Penjaga Jentera Elektrik akan ditentukan oleh pihak Institut masing-masing. *Latihan Industri jurusan lain*

89. Pelajar mestilah melapor diri di tempat latihan berkenaan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. *Lapor diri*
90. Kehadiran adalah wajib dan pelajar mestilah mengikuti latihan tersebut setiap hari bekerja sebagaimana yang telah ditetapkan oleh majikan berkenaan. Tidak hadir tanpa kebenaran majikan adalah melakukan kesalahan tatatertib. *Latihan ikut jadual dan tempoh*
91. Pelajar dikehendaki menghubungi majikan jika tidak dapat menghadiri latihan atas sebab-sebab kecemasan. Bagaimanapun kemudahan cuti tersebut bergantung kepada budi bicara majikan berkenaan. *Hubungi majikan*
92. Pembayaran elaun semasa menjalani Latihan Industri adalah berasaskan kepada kehadiran pelajar di tempat latihan. Pelajar yang tidak menghadiri latihan akan dikenakan hukuman seperti mana kesalahan tidak hadir ke institut (rujuk jadual pemotongan elaun, Bab 15) *Potong elaun jika tidak hadir latihan*
93. Semua tempat Latihan Industri mempunyai peraturan sendiri dan pelajar dikehendaki mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan itu. Pelanggaran peraturan itu adalah merupakan pelanggaran tatatertib. *Patuhi peraturan di Industri*
- Kesalahan dan Hukuman (BAB 16 Perkara 85 hingga 93) :**
Kesalahan Sederhana
Kesalahan Pertama : Amaran Pertama & Denda (Berekod)
Kesalahan Kedua : Rujuk JDP-Amaran Akhir & Potong Elaun
Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP
94. Pelajar adalah dilarang berkelakuan yang boleh menjatuhkan imej ILKBS. Mereka yang melakukan kesalahan seperti mencuri, bergaduh, minum minuman memabukkan, memiliki dan menyalahgunakan apa juga jenis dadah, berpakaian tidak senonoh dan melakukan perkara lain yang bertentangan dengan Peraturan Tatatertib Pelajar akan ditamatkan Latihan Industri dan dikenakan tindakan tatatertib. *Menjatuhkan imej ILKBS*
- Kesalahan dan Hukuman (BAB 16 Perkara 94) :**
Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh Diberhentikan
95. Pelajar tidak dibenarkan bertukar tempat latihan/ majikan melainkan atas sesuatu sebab yang munasabah dan tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Pihak Berkuasa Institut. *Bertukar tempat Latihan Industri*
96. Setiap pelajar akan dibekalkan sebuah buku log dan pelajar dikehendaki mencatatkan segala aktiviti latihan harian yang dibuat sepanjang tempoh latihan. Pelajar-pelajar yang didapati membuat laporan palsu boleh diambil tindakan tatatertib. *Buku log*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 16 Perkara 95 hingga 96) :

Kesalahan Sederhana

Kesalahan Pertama : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Kedua : Rujuk JDP-Amaran Akhir & Potong Elaun

Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP

BAB 17 - Larangan Am

97. **Dadah**

INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN

(a) Memiliki, menyimpan, mengedar, membekal, membawa, memproses, menjual atau menyalahgunakan apa juga jenis dadah yang diharamkan dengan apa jua cara sekalipun, adalah ditafsirkan telah melakukan **kesalahan berat** dan dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Segala aktiviti berkaitan penyalahgunaan dadah

(b) Memiliki sebarang alat dalam apa juga bentuk dan rupa sekalipun, yang mungkin digunakan untuk mengambil, menghisap, menyuntik dan sebagainya yang melibatkan penyalahgunaan apa juga jenis najis dadah dengan cara apa sekalipun, di dalam kawasan ILKBS adalah ditafsirkan sebagai telah melakukan **kesalahan berat**.

Memiliki peralatan penyalahgunaan dadah

(c) Sesiapa yang didapati sengaja bersama atau berhampiran dengan mana-mana orang atau sekumpulan orang yang menyalahgunakan dadah semasa tangkapan dibuat, adalah dianggap sebagai bersubahat dan telah melakukan satu **kesalahan berat**.

Bersama-sama atau berhampiran

(d) Mana-mana pelajar yang disahkan "POSITIF" ujian saringan dadah berdasarkan keputusan atau laporan patologi adalah melakukan satu **kesalahan berat**.

Ujian saringan

98. **Memiliki Senjata/Peralatan/Bahan Berbahaya**

Memiliki, menyimpan, membawa, membuat, mengguna atau mempamer apa jua jenis dan bentuk senjata, peralatan atau bahan yang boleh mendatangkan kecederaan kepada orang lain dalam apa juga keadaan adalah melakukan satu **kesalahan berat**.

Memiliki dan mengguna senjata bahaya

Kesalahan dan Hukuman (Bab 17 Perkara 97 dan 98) :

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan

99. **Mencuri**

Perbuatan mencuri atau terlibat dengan pakatan mencuri atau memiliki alatan dengan niat untuk mencuri harta benda kerajaan atau perseorangan atau memiliki, menyimpan, menyembunyikan harta curian adalah melakukan satu **kesalahan berat**.

Mencuri dan menyimpan barang curi

100. **Bergaduh/Mengugut/Menghasut/Memulau/Memfitnah/Mengancam/Demonstrasi**
- (a) Bergaduh, memukul, bertumbuk diantara pelajar dengan pelajar atau dengan kakitangan ILKBS atau orang luar, yang mengakibatkan sebarang kecederaan ataupun tidak, adalah melakukan **kesalahan berat**. *Bergaduh*
- (b) Perbuatan mengugut atau mengancam atau menghasut bagi maksud mendatangkan rasa takut kepada orang lain melalui apa juga cara termasuk pihak luar atau keluarga adalah melakukan **kesalahan berat**. *Mengugut, mengancam*
- (c) Menulis atau melaporkan perkara-perkara negatif kepada media massa atau mana-mana pihak tentang ILKBS atau pegawai/kakitangannya adalah ditafsirkan sebagai satu ancaman dan adalah melakukan **kesalahan berat**. *Melapor kepada media*
- (d) Pelajar yang didapati mempunyai hubungan atau menjadi ahli kumpulan haram atau orang luar yang mempunyai niat jahat adalah melakukan **kesalahan berat**. *Hubungan dengan kumpulan haram*
- (e) Pelajar yang didapati dengan sengaja menimbulkan 'bangkit marah' kepada pelajar lain sehingga mencetuskan pergaduhan sesama pelajar adalah melakukan **kesalahan berat**. *Menimbulkan bangkit marah*
- (f) Pelajar yang didapati memulau sesuatu aktiviti ILKBS adalah melakukan **kesalahan berat**. *Memulaukan aktiviti*
101. **Semua Bahan Lucah, Gangguan Umum, SMS Dan Laman Sosial yang menimbulkan keadaan tidak selesa kepada pelajar dan pegawai ILKBS.**
- (a) Memiliki, menyimpan, menjual, mengedar, menonton, mempamer, membaca/berkongsi sebarang bahan lucah, adalah melakukan satu **kesalahan berat**. *Memiliki, menonton*
- (b) Perbuatan seperti beraksi, mendorong, merayu, membisik, mengeluarkan kata-kata atau cerita-cerita atau isyarat lucah atau Laman Sosial (Internet) lucah atau melayari laman web lucah, adalah melakukan **kesalahan berat**. *Gangguan umum*
102. **Berjudi**
- (a) Berjudi atau bertaruh dalam apa juga bentuk sekalipun adalah dilarang keras. Pelajar yang berjudi atau bertaruh adalah melakukan **kesalahan berat**. *Berjudi*

- (b) Pelajar yang membekal, mencipta, memiliki, menyimpan apa-apa juga jenis alat perjudian atau dipertanggungjawab menganjurkan sebarang jenis permainan perjudian adalah melakukan **kesalahan berat**. *Membekal atau memiliki alat perjudian*

103. (a) **Minuman Keras/ Arak/ Alkohol/ Bahan Memabukkan**

Memiliki, memproses, menyimpan, menjual, mengedar, membawa atau meminum sebarang minuman atau bahan yang memabukkan adalah melakukan **kesalahan berat**. *Bahan- bahan memabukkan*

(b) **Racun / Ketum**

Memiliki, memproses, meminum, menyimpan, menjual, mengedar, membawa sebarang bahan yang ditafsirkan di bawah Akta Racun 1952 adalah melakukan **kesalahan berat**. *Bahan racun*

(c) **Penyalahgunaan Inhalan**

Mana mana pelajar yang menyalahgunakan bahan- bahan inhalan yang meliputi gam, aerosol, tinner, petrol dan sebagainya untuk memabukkan atau mengkhayalkan diri adalah melakukan **kesalahan berat**. *Bahan-bahan khayal*

Kesalahan dan Hukuman (Bab 17 Perkara 99 hingga 103)

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan

104. **Kes Polis atau Mahkamah atau AADK :**

Pelajar yang terlibat dengan apa juga kes jenayah yang melibatkan Polis atau Mahkamah atau AADK adalah melakukan satu **kesalahan berat**. *Kes Polis atau Mahkamah atau AADK*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 17 Perkara 104) :

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan. Siasatan selesai: jika didapati bersalah- hukuman diberhentikan.

105. **Memalsukan Dokumen Rasmi atau Menipu**

Pelajar yang didapati memalsukan atau meminda apa-apa juga dokumen rasmi atau mengemukakan dokumen palsu atau maksud menipu dengan memberikan maklumat palsu atau meniru atau memalsukan tandatangan pegawai-pegawai ILKBS adalah melakukan **kesalahan berat**. *Memalsu atau meminda dokumen*

106. **Ragging / Buli dan Mendera**

Perbuatan 'ragging' / buli dan mendera dikalangan pelajar adalah melakukan **kesalahan berat**.

Mendera

Kesalahan dan Hukuman (BAB 17 Perkara 105 - 106) :

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan

107. **Rokok / Rokok Elektronik / Vape**

(a) Memiliki, menyimpan, membawa, mengedar atau menjual adalah melakukan **kesalahan berat**.

Memiliki atau mengedar rokok.

Kesalahan dan Hukuman (BAB 17 Perkara 107 (a)) :

Kesalahan pertama : Gantung Latihan

Kesalahan kedua : Diberhentikan

(b) Menghisap rokok atau penggunaan bahan yang berasaskan tembakau atau set rokok elektronik atau vape atau menyimpan peralatan atau perasa vape adalah satu kesalahan tatatertib.

Menghisap rokok atau vape atau paip

Kesalahan dan Hukuman (BAB 17 Perkara 107 (b)) :

1) *Memiliki Rokok 3 Batang Dan Ke Bawah –*

Kesalahan Ringan

Kesalahan Pertama : Amaran Lisan & Denda Spontan (Berekod)

Kesalahan Kedua : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Ketiga : Amaran Akhir (Kesalahan berulang akan disabitkan dibawah Perkara 108(a))

2) *Memiliki Rokok 4 Batang Hingga 2 Bungkus –*

Kesalahan Sederhana

Kesalahan Pertama : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Kedua : Rujuk JDP-Amaran Akhir & Denda

Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP

3) *Memiliki Rokok 2 Bungkus Dan Ke Atas Boleh*

Diklasifikasikan Sebagai Kesalahan Berat –

Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan

4) *Menghisap Atau Membawa Atau Memiliki Atau Menyimpan Atau Memproses Atau Mengedar Rokok/ Rokok Elektronik / Vape Adalah Satu Kesalahan Tatatertib –*

Kesalahan Sederhana

Kesalahan Pertama : Amaran Pertama & Denda (Berekod)

Kesalahan Kedua : Rujuk JDP-Amaran Akhir & Denda

Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP

108. **Kesalahan-kesalahan lain.**

- (a) Pelajar yang didapati melakukan kesalahan tatatertib biasa tiga kali berturut-turut adalah ditafsirkan telah melakukan **kesalahan berat**. *Ulang kesalahan*
- (b) Menceroboh mana-mana bahagian atau kawasan premis ILKBS adalah melakukan satu **kesalahan berat**. *Menceroboh*
- (c) Keluar dari kawasan Institut tanpa kebenaran Pegawai Disiplin atau Pegawai lain yang berkenaan adalah melakukan **kesalahan berat**. *Keluar tanpa kebenaran*

Kesalahan dan Hukuman (BAB 17 Perkara 108) :
Kesalahan Berat : Rujuk LTP

BAB 18 - Subahat

109. Semasa sesuatu kesalahan sedang dilakukan atau telah dilakukan, kehadiran bersama pensubahat adalah ditafsirkan bersama-sama melakukan kesalahan tersebut. *Pensubahat hadir bersama*
110. Perbuatan dengan sengaja atau pura-pura tidak mengetahui dan tidak memaklumkan sebarang kesalahan atau salah laku mana-mana pelajar lain kepada Pihak Berkuasa Institut adalah melakukan kesalahan 'melindung'. *Melindung*
111. Dengan sengaja mereka-reka kenyataan palsu atau tidak benar yang mana dengan jalan itu akan menyebabkan seseorang pelajar lain terlepas dari sebarang hukuman setelah melakukan sesuatu kesalahan, adalah melakukan kesalahan 'mereka-reka kenyataan palsu'. *Mereka-reka kenyataan palsu*
112. Dengan sengaja menghalang atau lewat-lewatkan sebarang tindakan Pihak Berkuasa Institut dalam melaksanakan penahanan atau siasatan ke atas mana-mana pelajar lain apabila disyaki telah melakukan atau sedang melakukan kesalahan adalah melakukan kesalahan 'menghalang'. *Menghalang*
113. Dengan sengaja menyembunyikan atau menghilangkan sebarang bukti atau barang kes dalam mana-mana perbuatan salah laku pelajar lain adalah melakukan kesalahan menyembunyikan bukti. *Menyembunyikan bukti*

Kesalahan dan Hukuman : (Bab 18 Perkara 109 dan 113) :
Kesalahan Berat : Rujuk LTP – Hukuman yang boleh dikenakan sehingga boleh diberhentikan

BAB 19 - Ingkar Perintah

114. Ingkar perintah pegawai atasan atau mana-mana pegawai ILKBS dan berkelakuan membantah dengan apa-apa cara sekalipun yang boleh ditafsirkan sebagai 'ingkar perintah'.

Ingkar perintah

Kesalahan dan Hukuman (BAB 19 Perkara 114) :

Kesalahan Sederhana

Kesalahan Pertama: Amaran Pertama & Denda (Berekod)

*Kesalahan Kedua : Rujuk JDP-Amaran Akhir & Denda
(Berekod)*

Kesalahan Ketiga : Rujuk LTP

BAHAGIAN IV

PENAMATAN LATIHAN

115. Pihak Berkuasa Institut boleh menamatkan latihan seseorang pelajar dari mengikuti latihan di Institut atau pun Latihan Industri tertakluk kepada keadaan berikut :

(a) Didapati bersalah oleh Lembaga Tatatertib Pelajar atas kesalahan berat dan dijatuhkan hukuman diberhentikan dari Institut.

Kesalahan berat

(b) Berulang kali atau lebih tiga (3) kali diberi amaran dan denda atau amaran akhir dan hukuman yang lain tetapi masih lagi melanggar Peraturan Tatatertib Pelajar.

Lebih 3 kali melakukan kesalahan

(c) Atas sebab-sebab kesihatan dan pengesahan doktor mana-mana Hospital Kerajaan, pelajar dibenarkan menamatkan latihan dari ILKBS atau Latihan Industri.

Sebab kesihatan

(d) Pihak berkuasa Institut boleh menamatkan latihan pelajar yang didapati malas serta tidak menunjukkan minat dan tiada kemajuan dalam latihannya.

Malas dan tidak minat belajar

PENANGGUHAN LATIHAN

116. Pihak Berkuasa Institut boleh menangguhkan latihan seseorang pelajar dari mengikuti latihan di Institut selama maksimum 2 semester tertakluk kepada alasan yang dikemukakan oleh pelajar atau difikirkan perlu oleh pihak Institut.

Penangguhan

TUNTUTAN GANTI RUGI KEROSAKAN ATAU KEHILANGAN

117. Apabila pelajar telah menamatkan pengajian atau ditamatkan pengajian disebabkan Perkara 115, ILKBS adalah berhak untuk melaksanakan atau menguatkuasa perkara-perkara berikut:

(a) Memastikan pelajar mengembalikan apa-apa bahan pembelajaran atau harta benda milik Institut yang telah dibekalkan kepada pelajar sepanjang mengikuti kursus ini.

Mengembalikan harta benda Institut

(b) Membuat tuntutan ganti rugi kerosakan atau kehilangan barang atau apa jua hak milik institut mengikut nilai yang difikirkan patut oleh Kerajaan sebelum pelajar meninggalkan Institut.

Ganti rugi kerosakan

HAL-HAL LAIN

118. ILKBS berhak meminda, mengubahsuai atau menambah mana-mana perkara dalam Peraturan Tatatertib ini dari semasa ke semasa tanpa memaklumkan terlebih dahulu kepada pelajar.

Hak meminda

119. Sebarang pindaan ke atas mana-mana perkara yang dikuatkuasakan akan diedarkan kemudiannya sebagai pekeliling untuk makluman semua pihak di ILKBS dan satu salinan akan dipamerkan di papan kenyataan ILKBS.

Pekeliling

120. Pihak Berkuasa Institut mempunyai kuasa muktamad untuk mentafsir segala perkara yang terkandung di dalam Peraturan Tatatertib Pelajar ini.

Tafsir peraturan

ILKBS



JAWATANKUASA DISIPLIN PELAJAR
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN

1. **FUNGSI**

- 1.1 Membuat siasatan terhadap laporan kes kesalahan disiplin pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan.
- 1.2 Mendengar dan membuat keputusan terhadap kesalahan selain dari kesalahan berat serta mendengar rayuan dan membuat keputusan mengenainya.
- 1.3 Membawa keputusan siasatan kes kesalahan berat kepada Lembaga Tatatertib Pelajar.
- 1.4 Memaklumkan keputusan selain dari kes kesalahan berat dalam tempoh 3 hari bekerja kepada pelajar dan ibu bapa yang terlibat selepas mesyuarat.

2. **BIDANG KUASA**

- 2.1 Membincangkan dan menentukan kategori kes.
- 2.2 Membincangkan dan membuat keputusan ke atas semua kesalahan-kesalahan **kecuali** kesalahan berat mengikut Peraturan Tatatertib Pelajar yang berkuatkuasa.
- 2.3 Mengesyorkan hukuman ke atas kes kesalahan berat untuk dibawa ke Lembaga Tatatertib Pelajar.

3. **KEANGGOTAAN**

Keanggotaan Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai berikut yang dilantik oleh Pengarah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan;

Pengerusi	:	Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar
Setiausaha	:	Ketua Unit Bina Insan
Ahli	:	Pembantu Kesatria Warden Ketua- Ketua Jabatan (Jurusan) Pegawai Penyiasat

4. KORUM

- 4.1 Korum mesyuarat hendaklah dihadiri oleh tidak kurang daripada lima orang daripada keanggotaan sepertimana *Perkara 3*.
- 4.2 Semasa ketiadaan Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan boleh mempengerusikan mesyuarat.
- 4.3 Ketua Bahagian (Jurusan) yang berkaitan kes wajib hadir.
- 4.4 Seorang Warden Asrama yang berkaitan kes wajib hadir.

5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 PENGERUSI


- i. Mempengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa Disiplin Pelajar.
- ii. Menandatangani surat keputusan mesyuarat kepada pelajar dan ibu bapa yang berkaitan.

5.2 SETIAUSAHA

- i. Menguruskan persediaan dan pelaksanaan mesyuarat.
- ii. Menyedia, menandatangani dan mengedarkan surat jemputan mesyuarat.
- iii. Membuat catatan minit mesyuarat dan mengedarkan kepada Pengarah dan Ketua Jabatan.
- iv. Memastikan kehadiran ahli mesyuarat mencukupi korum.
- v. Membentangkan kertas pertuduhan.
- vi. Menyampaikan surat keputusan mesyuarat kepada pelajar yang berkaitan.

5.3 AHLI

- i. Menghadiri mesyuarat setelah menerima notis mesyuarat daripada setiausaha.
- ii. Memaklumkan kepada setiausaha sekiranya tidak dapat hadir.



**LEMBAGA TATATERTIB PELAJAR
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN**

1. FUNGSI

- 1.1 Membincangkan dan membuat keputusan terhadap kes yang dirujuk oleh Jawatankuasa Disiplin Pelajar.
- 1.2 Memaklumkan keputusan mesyuarat kepada;
 - i. pelajar yang terlibat bagi kes kesalahan berat;
 - ii. ibu bapa/penjaga pelajar;
 - iii. penjamin; dan
 - iv. Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB)

2. BIDANG KUASA

- 2.1 Membuat keputusan terhadap kes yang dirujuk oleh Jawatankuasa Disiplin Pelajar.
- 2.2 Membincangkan dan membuat keputusan ke atas semua kesalahan-kesalahan berat mengikut Peraturan Tatatertib Pelajar yang berkuatkuasa.
- 2.3 Menkuatkuasakan hukuman gantung latihan dan hukuman diberhentikan.

3. KEANGGOTAAN

Keanggotaan Lembaga hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai berikut;

Pengerusi	:	Pengarah ILKBS
Setiausaha	:	Ketua Cawangan Pengurusan Pelajar
Ahli	:	Timbalan Pengarah Pengurusan Latihan
		Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar
		Ketua Jabatan (Jurusan)
		Ketua Unit Bina Insan
		Kesatria

4. KORUM

- 4.1 Korum mesyuarat hendaklah dihadiri oleh tidak kurang daripada lima orang daripada keanggotaan sepertimana *Perkara 3*.
- 4.2 Kehadiran pengerusi adalah wajib.
- 4.3 Ketua Jabatan (jurusan) yang berkaitan kes wajib hadir.
- 4.4 Keahlian tambahan boleh dilantik oleh Pengarah ILKBS.

5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 PENERUSI

- i. Mempengerusikan semua Mesyuarat Lembaga Tatatertib Pelajar.
- ii. Menandatangani surat keputusan mesyuarat kepada pelajar, ibu bapa, penjamin dan BPKB.


5.2 SETIAUSAHA

- i. Menguruskan persediaan dan pelaksanaan mesyuarat.
- ii. Menyedia, menandatangani dan mengedarkan surat jemputan mesyuarat.
- iii. Membuat catatan minit mesyuarat
- iv. Memastikan kehadiran ahli mesyuarat mencukupi korum.
- v. Membentangkan kertas pertuduhan.
- vi. Menyampaikan surat keputusan mesyuarat kepada pelajar, ibu bapa, penjamin, dan BPKB.

5.3 AHLI

- i. Menghadiri mesyuarat setelah menerima notis mesyuarat daripada setiausaha.
- ii. Memaklumkan kepada setiausaha sekiranya tidak dapat hadir.

ILKBS



**LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PELAJAR
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN**

1. **FUNGSI**

- 1.1 Menerima surat rayuan daripada pelajar berkaitan keputusan Lembaga Tatatertib Pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan
- 2.2 Membuat keputusan menimbang/ menerima/ menolak rayuan pelajar.
- 3.3 Memaklumkan keputusan mesyuarat kepada Pengarah ILKBS dan pelajar.

2. **BIDANG KUASA**

Mengekalkan / menimbang / mengurangkan hukuman yang diputuskan oleh Lembaga Tatatertib Pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan.

3. **KEANGGOTAAN**

Keanggotaan Lembaga hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai berikut:

- | | | |
|---------------------|---|--|
| Pengerusi | : | Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Belia |
| Setiausaha | : | Pengarah Cawangan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar |
| Penolong Setiausaha | : | Penolong Pegawai Latihan Kanan (Hal Ehwal Pelajar) |
| Ahli | : | 3 Pengarah Cawangan di BPKB / Pengarah ILKBS |

4. KORUM

Korum mesyuarat hendaklah dihadiri oleh sekurang-kurangnya lima orang daripada keanggotaan sepertimana *Perkara 3*.

5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Pengerusi

- i. Mempengerusikan semua Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan.
- ii. Melantik wakil untuk mempengerusikan mesyuarat sewaktu ketiadaan.
- iii. Menandatangani surat keputusan mesyuarat kepada pelajar yang berkaitan.

5.2 Setiausaha

- i. Menerima dan merekod surat rayuan.
- ii. Menentukan tarikh mesyuarat dalam tempoh 14 hari daripada surat rayuan diterima.
- iii. Membuat jempukan mesyuarat.
- iv. Membentangkan kes rayuan.
- v. Mengeluarkan surat keputusan mesyuarat kepada pelajar yang berkaitan dalam tempoh 3 hari selepas mesyuarat.

5.3 Penolong Setiausaha

Membantu tugas-tugas setiausaha.

5.4 Ahli

- i. Menghadiri mesyuarat setelah menerima notis mesyuarat daripada setiausaha.
- ii. Memaklumkan kepada setiausaha sekiranya tidak dapat hadir.

INSTITUTI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN

**PERATURAN TATATERTIB PELAJAR ILKBS
Pindaan 2 (2018)**

Disediakan oleh:
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 3, Menara KBS, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 Putrajaya
Tel : 03-8871 3333 Fax : 03-8888 8785

ILKBS